

Kritikan Qiraat *Mawdu'ah* dalam Kitab Tafsir al-Quran
Fabricated Qira'at Criticism in the Interpretation of the Quran

MUHAMMAD ZAID HARITHAH AZEMAN*

Program Tahfiz Al-Quran, Sekolah Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim, 80350 Johor Bahru, Johor, Malaysia

ORCID iD : <https://orcid.org/0009-0007-6457-9639>

MOHD FAIZULAMRI MOHD SAAD

Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ORCID iD : <https://orcid.org/0000-0002-0311-7533>

SABRI MOHAMAD

Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ORCID iD : <https://orcid.org/0000-0001-5499-1688>

MOHD NAZIR KADIR

Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ORCID iD : <https://orcid.org/0009-0004-4121-7262>

ZAYD THABIT ABDULRAHMMAN

Al-Imam Al-Adham University College, 10053 Al-Adhamiya, Baghdad, Iraq

*Corresponding Author; email: zaid@kuijsi.edu.my

Received: 1 July 2025/ Received in revised form: 13 March 2026/ Accepted: 17 March 2026/

Published: 2 June 2026

ABSTRAK

Qiraat mawdu'ah adalah bacaan al-Quran yang tidak mempunyai asal sandaran sanad ataupun palsu. Perwayatan qiraat mawdu'ah ini dapat ditemukan dalam kitab-kitab tafsir al-Quran. Sebahagian pentafsir menukulkan riwayat qiraat mawdu'ah serta mendatangkan pentafsiran tanpa menjelaskan status riwayat tersebut. Sebahagian pentafsir yang lain pula menolak serta mendatangkan kritikan terhadap riwayat tersebut. Artikel ini memberi fokus kepada penganalisisan kritikan sarjana terhadap riwayat qiraat mawdu'ah serta pentafsirannya yang terdapat dalam karya-karya tafsir al-Quran. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes secara kolektif. Data kajian dikumpulkan menerusi analisis dokumen terhadap kitab-kitab tafsir yang menukulkan qiraat mawdu'ah dan kitab-kitab qiraat yang membicarakan berkenaan qiraat tersebut. Data-data ini kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan tematik. Hasil kajian ini mendapati bahawa kritikan-kritikan para sarjana menzahirkan dua tema utama iaitu sebab pemalsuan riwayat qiraat mawdu'ah adalah untuk mendukung aliran kefahaman akidah yang batil manakala kesan pemalsuannya membawa kepada pencemaran nama baik perawi yang dinisbahkan kepada qiraat tersebut. Implikasi kajian ini menekankan kepada semua pihak agar lebih berhati-hati apabila berinteraksi dengan riwayat-riwayat qiraat yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir agar ketepatan maklumat dapat dicapai dan sebarang pemahaman serta tafsiran yang batil dapat dielakkan. Tambahan lagi, dicadangkan kajian-kajian berkenaan riwayat qiraat mawdu'ah dapat diperkasa sama ada dalam karya tafsir klasik ataupun kontemporari agar kesucian perwayatan qiraat dapat terus dipelihara sehingga ke akhirnya.

Kata kunci: Kritikan; mawdu'ah; palsu; qiraat; tafsir

ABSTRACT

Qira'at Mawdu'ah are readings that lack an authentic chain of transmission (sanad) or are considered spurious. These readings can be found in works of Quranic exegesis (tafsir al-Quran). Some interpreters (mufasssirin) cite Qira'at Mawdu'ah and offer interpretations without clarifying the status of their transmission, while others reject these readings and provide critical evaluations. This article focuses on analysing scholarly criticism of Qira'at

Mawdu'ah and their interpretations as found in tafsir works. This qualitative study employs a collective case study design. Data were collected through document analysis of tafsir works that cite Qira'at Mawdu'ah, as well as Qira'at literature that discusses these readings. The data were then analysed using descriptive and thematic approaches. The findings reveal two main themes highlighted in scholarly critiques: first, that the fabrication of Qira'at Mawdu'ah was intended to support erroneous theological beliefs (aqidah); and second, that such fabrications have tarnished the reputation of the narrators (rawi) associated with these readings. The implications of this study emphasise the need for caution when engaging with Qira'at narratives in tafsir works to ensure accuracy and to avoid misunderstanding and misinterpretation. Furthermore, it is suggested that research on Qira'at Mawdu'ah be further strengthened in both classical and contemporary tafsir works to preserve the authenticity of Qira'at transmission.

Keywords: Criticism; mawdu'ah; qira'at; spurious; tafsir

PENGENALAN

Penurunan al-Quran sebanyak tujuh huruf telah membentuk khilaf-khilaf dalam bacaan al-Quran sebagaimana yang telah disepakati. Kepelbagaian wajah-wajah qiraat hasil daripada penurunan al-Quran sebanyak tujuh huruf ini dimanfaatkan oleh umat manusia dalam menghadapi kehidupan berpandukan tunjuk ajar agama Islam. Selain untuk memudahkan umat Islam membaca al-Quran mengikut wajah-wajah qiraat yang mudah bagi mereka, qiraat juga berfungsi sebagai salah satu sumber pentafsiran al-Quran sebagaimana yang didapati dalam karya-karya tafsir al-Quran. Qiraat sebagaimana yang dinyatakan oleh para sarjana terbahagi kepada dua kategori utama iaitu qiraat *mutawatirah* dan *shadhdhah* (Abu Shamah 2003; Ibn al-Jazari 1999).

Kedua-dua kategori qiraat ini dinukilkan oleh para pentafsir sebagai salah satu sumber pentafsiran dalam karya mereka. Penguasaan terhadap ilmu qiraat merupakan salah satu elemen penting yang diperlukan oleh seorang *mufassir* dalam bidang pentafsiran al-Quran (Al-Dhahabi 2008; Khalifah t.th & Al-Khalidi 2012). Hal ini kerana ilmu qiraat tidaklah terbatas kepada cara-cara pembacaan al-Quran semata-mata, bahkan ia juga berfungsi sebagai salah satu medium untuk memahami pentafsiran al-Quran menurut pelbagai aspek seperti menjelaskan kepelbagaian hukum syaria, perbincangan akidah dan juga bahasa Arab (Izuli Dzulkifli & Adibah Bahori 2016; Zayd Thabit, Mohd Faizulamri & Sabri 2023; Al-Muslim 2023).

Selain daripada kedua-dua jenis qiraat ini, kajian-kajian lepas juga menemukan bahawa qiraat *mawdu'ah* turut digunakan oleh pentafsir dalam karya-karya tafsir mereka seperti tafsir al-Nasafi (Kurdiyyah 2001; Mohd Faizulamri 2015), tafsir al-Zamakhshari (Al-Dumi 2004) dan tafsir al-Tabarsi (Izuli Dzulkifli 2013; 'Abd al-Halim 2016). Penemuan riwayat qiraat *mawdu'ah* dalam kitab-kitab tafsir al-Quran memerlukan kepada penelitian serta kajian terhadap nukuilannya oleh para pentafsir.

Aspek-aspek yang perlu diberi perhatian terhadap nukilan riwayat qiraat *mawdu'ah* dalam karya-karya tafsir adalah penganalisisan dari sudut penisbahan dan pentafsiran. Sepertimana yang diketahui dalam seni ilmu qiraat, setiap qiraat dinisbahkan kepada perawi-perawi tertentu. Penilaian terhadap perawi-perawi tersebut boleh menggambarkan status sesebuah qiraat sama ada *mutawatirah* mahupun *shadhdhah* (Nur Zainatul Nadra, Muhd Najib & Latifah 2014; Mohd Faizulamri 2015; Halabi 2024).

Qiraat *mawdu'ah* yang ditemukan dalam karya-karya tafsir al-Quran juga telah dinisbahkan kepada perawi-perawi tertentu sebagaimana qiraat *mutawatirah* dan *shadhdhah*. Riwayat-riwayat qiraat *mawdu'ah* yang dinukilkan ini mendapat kritikan daripada para pentafsir mahupun sarjana muftakar dan kontemporari. Kritikan-kritikan yang dilontarkan ini jelas membuktikan bahawa para sarjana sangat menitikberatkan isu kesahihan periwayatan sesebuah qiraat.

KAJIAN LITERATUR

Penggunaan ilmu qiraat sebagai salah satu sumber pentafsiran al-Quran merupakan sesuatu yang telah diiktiraf oleh para sarjana muftakar mahupun sarjana moden. Sarjana seperti Ibn al-Jazari (1999) dan Abu Shamah (2003) menjelaskan pembahagian qiraat kepada *mutawatirah* dan *shadhdhah* manakala sebahagian sarjana lain seperti al-Suyuti (1974), al-Qattan (2015) dan al-Ma'sarawi (2008) membahagikannya kepada beberapa kategori iaitu qiraat *mutawatirah*, *mashhurah*, *ahadiyyah*, *shadhdhah*, *mudrajah* dan *mawdu'ah*. Walaupun terdapat perbezaan dalam pembahagian jenis qiraat, para sarjana bersepakat bahawa kesahihan sanad merupakan asas utama penerimaan sesebuah qiraat.

Dalam konteks tafsir, al-Dhahabi (2012), al-Khalidi (2012), al-Kathiri (2020) dan Mohd Nazir et al. (2020) menjelaskan bahawa penguasaan ilmu qiraat merupakan salah satu kriteria penting bagi seorang pentafsir al-Quran kerana qiraat berfungsi untuk menjelaskan kesamaran dan memperluas

makna ayat sama ada dari sudut bahasa, tafsir mahupun hukum syariah. Walau bagaimanapun, perbahasan yang dibawakan hanya tertumpu kepada peranan qiraat *maqbulah* dalam pentafsiran al-Quran sahaja, sedangkan kewujudan qiraat *mawdu'ah* dalam karya tafsir tidak dibincangkan secara mendalam. Hal ini sebagaimana al-Dhahabi (2012) yang mendatangkan beberapa contoh riwayat qiraat *mawdu'ah* dalam karya tafsir muktazilah dan syiah.

Kajian-kajian terdahulu telah membuktikan bahawa riwayat qiraat *mawdu'ah* dinukilkan dalam pelbagai karya tafsir akan tetapi pendekatannya lebih tertumpu kepada skop pengenalanpastian dan pembahagian sahaja. Lukman Hakim (2024) dalam penulisannya berkenaan konsep *al-dakhil* dalam qiraat menunjukkan bahawa riwayat yang tidak menepati syarat qiraat *sahihah* seperti qiraat *mawdu'ah* ditemukan dalam karya tafsir klasik dan kontemporari, tanpa mendatangkan analisis kritikan para sarjana terhadapnya.

Penggunaan riwayat ini dalam karya tafsir turut dibuktikan melalui kajian Mohd Faizulamri Mohd Saad (2015) terhadap tafsir al-Nasafi yang telah mengenal pasti beberapa kesalahan riwayat qiraat dalam tafsir tersebut termasuk kesalahan dalam penisbahan qiraat serta kewujudan riwayat qiraat *mawdu'ah*. Begitu juga dengan kajian Abd al-Halim (2016) dan Izuli Zulkifli (2013) yang menganalisis penggunaan qiraat serta pendekatan al-Tabarsi dalam karyanya *Jawami' al-Jami'* dan *Majma' al-Bayan*. Hasil kajian menunjukkan kecenderungan al-Tabarsi dalam penggunaan riwayat qiraat *shadhdhah* dan *mawdu'ah* serta pentakwilan makna bacaan tersebut yang menyokong kefahaman mazhab syiah. Keseluruhan kajian-kajian ini menunjukkan bahawa kewujudan qiraat *mawdu'ah* dalam karya-karya tafsir bukanlah suatu perkara yang asing. Namun, penelitian yang lebih mendalam khususnya kritikan para sarjana terhadap riwayat qiraat ini perlu diberi perhatian untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkenaan bacaan ini.

Selain itu, perbahasan qiraat *mawdu'ah* turut dibincangkan dari sudut latar belakang dan faktor kemunculannya. Shukri (2006) menjelaskan antara sebab yang membawa kepada kemunculan qiraat *mawdu'ah* adalah pemalsuan bacaan untuk menyokong aliran mazhab akidah tertentu di samping menjatuhkan kredibiliti perawi yang dinisbahkan kepada bacaan tersebut. Begitu juga dengan al-Ja'fari (2014) yang menjelaskan konsep qiraat *mawdu'ah* secara ringkas lalu mendatangkan beberapa contoh bacaan yang dikaitkan dengan kecenderungan mazhab tertentu. Tambahan pula, beliau turut mencadangkan kajian lanjutan agar

dikumpulkan riwayat qiraat *mawdu'ah* yang terdapat dalam karya tafsir secara sistematik. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa perbahasan qiraat *mawdu'ah* masih berada pada tahap awal dan memerlukan kepada penyelidikan yang lebih mendalam, khususnya kritikan para sarjana terhadapnya dalam karya tafsir.

Kajian al-Harbi (2020) yang meneliti sanad qiraat imam Abu Hanifah merupakan salah satu contoh kes yang mengukuhkan isu qiraat *mawdu'ah*. Kajian ini mendapati bahawa sebahagian besar bacaan tersebut adalah tidak sah dan dikategorikan sebagai qiraat *mawdu'ah*. Malah, riwayat ini turut tersebar secara meluas dalam pelbagai karya tafsir tanpa dinyatakan kepalsuannya. Kajian ini memberikan sudut pandang bahawa penisbahan qiraat tanpa asas sanad yang sah berkemungkinan melibatkan tokoh-tokoh lain dalam karya tafsir. Hal ini menunjukkan keperluan kepada penyelidikan yang lebih menyeluruh terhadap riwayat qiraat ini dalam pelbagai karya tafsir.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian terdahulu lebih tertumpu ke arah konsep dan pengenalanpastian riwayat qiraat, termasuk riwayat qiraat *mawdu'ah*, tanpa mengkhususkan kepada kritikan sarjana terhadap riwayat tersebut serta implikasi pentafsirannya secara sistematik. Hal ini menunjukkan kepada keperluan kajian yang menumpukan kepada analisis kritikan sarjana terhadap riwayat qiraat *mawdu'ah* dalam pelbagai karya tafsir. Penelitian terhadap kritikan dan pandangan sarjana diharapkan dapat memberikan gambaran dan konsep yang jelas berkenaan isu penukilan riwayat qiraat ini dalam karya tafsir serta implikasinya dalam pentafsiran al-Quran.

DEFINISI QIRAAT MAWDU'AH

Perkataan *mawdu'ah* (موضوعة) merupakan *ism maf'ul* daripada perkataan *wada'a* (وضع), *yada'u* (يضع), *wad'an* (وضعا) dan *mawdu'an* (موضوعا) (Umar 2008). Perkataan ini mempunyai kepelbagaian makna mengikut kepada kesesuaian sesuatu ayat yang dimaksudkan seperti meletakkan, menyusun, menulis, menjatuhkan, menghina, melahirkan, mencipta, mengasaskan dan lain-lain (Umar 2008). Dalam *Lisan al-'Arab*, Ibn Manzur (t.th) menyatakan (ووضع الشيء وضعا: اختلقه) yang membawa maksud 'mengadakannya' atau 'menciptanya'.

Penggunaan istilah *mawdu'ah* dalam ilmu qiraat adalah merujuk kepada qiraat yang dinisbahkan kepada perawinya tanpa ada asal sandarannya ataupun qiraat yang direka-reka (Al-Suyuti 1974; Al-Qattan 2015; Al-Ma'sarawi 2008; Mohd

Faizulamri, Sabri & Mohd Nazri 2020). Hal ini perlu dibezakan dengan istilah *mawdu'* dalam ilmu hadith kerana kedua-duanya menggunakan konsep makna yang sama iaitu 'dicipta' atau 'direka'. Istilah *mawdu'* dalam bidang hadith ialah khabar yang dicipta atau diada-adakan oleh pendusta-pendusta dan menisbahkan khabar tersebut kepada Rasulullah SAW (Al-Salih 2009).

Hakikatnya, tidak layak untuk dinamakan istilah qiraat terhadap riwayat yang tiada asal sandaran sanad kerana pada asalnya ia bukanlah qiraat. Hal ini sebagaimana dinyatakan oleh Ja'fari (2014) bahawa penamaan qiraat *mawdu'ah* dengan istilah qiraat hanyalah penamaan *majaziyyah* semata-mata kerana ianya disebutkan dalam sebahagian kitab-kitab qiraat *shadhdhah*. Selain itu, al-Sindi (1994) juga menyatakan bahawa qiraat yang diriwayatkan dengan jalan *ahad* atau *mudrajah* terletak di bawah kategori qiraat yang *shadhdhah*, adapun apa yang tiada sanad padanya secara mutlak atau apa yang diriwayatkan secara makna maka ianya tidak termasuk dalam takrifan qiraat *shadhdhah*.

PENILAIAN PERIWAYATAN SANAD QIRAAT

Para sarjana telah bersepakat bahawa al-Quran dan qiraat itu tidak ditetapkan melalui ijihad mahupun menepati kaedah bahasa Arab dan *rasm al-mushaf* melainkan ianya bersandar kepada periwayatan yang sahih. Sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn al-Jazari (2019) bahawa periwayatan qiraat oleh para *qurra'* dengan sanad yang sahih merupakan rukun yang paling asas dan penting dalam penerimaan sesebuah qiraat walaupun ianya bukan daripada wajah bahasa Arab yang disepakati kefasihannya oleh para sarjana *nahw*. Al-Sisi (2009) turut menyokong pernyataan ini dengan mengatakan bahawa kesahihan sanad merupakan rukun asas dalam penerimaan qiraat kerana keberadaan rukun ini hadir dengan ketepatan kaedah bahasanya.

Dalam proses menilai sanad terhadap sesebuah qiraat tertentu, para sarjana melihat kepada pelbagai sudut dan aspek dengan penuh ketelitian bagi memastikan ketepatan dalam penilaian terhadap sanad tersebut. Penilaian terhadap sanad ini yang akan menentukan status sesebuah riwayat qiraat sama ada *mutawatirah* ataupun *shadhdhah* (Ahmad Zulfiqar Shah et al. 2015). Riwayat-riwayat qiraat inilah menjadi salah satu sumber pentafsiran al-Quran yang digunakan oleh sebahagian pentafsir sebagaimana yang telah disebutkan oleh para sarjana seperti al-Dhahabi (2012), Khalifah (t.th) dan al-Khalidi (2012).

Namun yang demikian, qiraat *mawdu'ah* juga turut ditemukan dalam nukilan karya-karya para pentafsir. Pengamatan penulis terhadap karya-karya tafsir ini mendapati bahawa sebahagian pentafsir menukilkan riwayat qiraat *mawdu'ah* tanpa menyatakan status riwayat manakala sebahagian pentafsir lain mengkritik serta menolak riwayat qiraat tersebut. Dapatan ini menyokong kenyataan Lukman Hakim (2024) bahawa terdapat sebahagian pentafsir yang menukilkan riwayat bacaan tertentu tanpa memberikan penilaian terhadap sanadnya. Berkemungkinan pentafsir hanya mengumpulkan riwayat atau *athar* berkaitan dengan qiraat tersebut yang diterima daripada sumber mereka terdahulu tanpa menyatakan kedudukan riwayat tersebut.

Tambahan lain, para sarjana muktabar serta kontemporari turut mengeluarkan kenyataan penolakan serta kritikan terhadap periwayatan qiraat ini yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir al-Quran. Kritikan-kritikan yang dikeluarkan oleh para sarjana semestinya setelah melalui proses penganalisisan yang mendalam terhadap riwayat-riwayat tersebut dari pelbagai sudut dan kriteria (Muhammad Feroz-ud-Din 2015; Mohd Faizulamri et al. 2022).

Pengamatan terhadap kritikan-kritikan ini boleh membantu untuk menjelaskan kedudukan sesebuah riwayat qiraat *mawdu'ah* serta perawi yang dinisbahkan kepada qiraat tersebut. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Shukri (2006) bahawa antara sebab pemalsuan qiraat adalah untuk mendukung pemikiran mazhab akidah yang tidak benar dan untuk mencemarkan kredibiliti seseorang perawi. Hal ini seperti apa yang berlaku terhadap beberapa perawi seperti Abu Hanifah, Ja'far al-Sadiq, Muhammad al-Baqir dan beberapa perawi lain yang akan dibahas secara mendalam dalam penulisan ini.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes secara kolektif. Kajian kes kolektif adalah kajian yang melibatkan beberapa kes secara serentak ataupun berturutan untuk menghasilkan konsep dan pemahaman yang lebih meluas dan mendalam terhadap sesuatu isu yang berkaitan (Stake 1995). Reka bentuk ini dipilih bagi mendapatkan gambaran menyeluruh terhadap pelbagai riwayat qiraat *mawdu'ah* menerusi analisis terhadap kritikan para sarjana. Sampel kes dalam kajian ini adalah terdiri daripada 6 riwayat qiraat *mawdu'ah* yang dikenal pasti dalam pelbagai karya tafsir dan qiraat. Teknik analisis dokumen

diaplikasikan untuk mengumpulkan data daripada sumber primer iaitu karya-karya tafsir muktabar serta kitab-kitab qiraat seperti *Fi al-Qira'at al-Qur'aniyyah* oleh Shukri (2006) dan *Mu'jam al-Qira'at* karangan al-Khatib (2000). Kesemua sampel qiraat *mawdu'ah* dikenal pasti berdasarkan kitab *Fi al-Qira'at al-Qur'aniyyah* manakala rujukan terhadap *Mu'jam al-Qira'at* membantu penulis menentukan karya-karya tafsir yang meriwayatkan qiraat tersebut.

Seterusnya, kesemua sampel ini dianalisis secara terperinci dengan meneliti kritikan para pentafsir dan sarjana daripada kitab-kitab tafsir yang terlibat serta rujukan-rujukan qiraat. Selain itu, rujukan terhadap sumber sekunder seperti kajian-kajian ahli akademik dan penyelidik berkaitan qiraat *mawdu'ah* pula membantu dalam memperkukuh kefahaman dan konteks analisis riwayat ini. Teknik analisis deskriptif dan tematik terhadap data-data diaplikasikan dalam menghuraikan periwayatan serta pentafsiran setiap qiraat serta mengenal pasti kedudukan riwayat qiraat tersebut dalam karya tafsir al-Quran berdasarkan kritikan para sarjana.

ANALISIS KRITIKAN QIRAAT MAWDU'AH

Berikut merupakan dapatan analisis kritikan terhadap 6 riwayat qiraat *mawdu'ah* yang dinukilkan oleh para pentafsir al-Quran dalam karya-karya tafsir mereka. Penulis membahagikannya kepada setiap perawi atau kumpulan perawi yang dinisbahkan kepada qiraat tertentu sebagaimana berikut:

PENISBAHAN QIRAAT TERHADAP ABU HANIFAH DAN UMAR BIN 'ABD AL-'AZIZ

Firman Allah SWT pada surah Fatir (35: 28) :

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Maksudnya :

Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu.

Diriwayatkan bahawa Umar bin 'Abd al-'Aziz, Ibn Sirin, Abu Haywah dan Abu Hanifah membaca dengan *raf'* pada *lafz al-Jalalah* dan *nasb* pada (العلماء) (Al-Khatib 2000). Riwayat qiraat ini dinukilkan oleh al-Zamakhshari, al-Baydawi, al-Nasafi, al-Razi, al-Qurtubi, Abu Hayyan, al-Naysaburi, al-Shawkani, dan al-Alusi dalam karya tafsir mereka.

Al-Zamakhshari (1998) menjelaskan *al-khashyah* dalam qiraat ini sebagai *isti'arah* yang membawa maksud bahawa Allah SWT memuliakan orang-orang yang berilmu sebagaimana Allah SWT memuliakan mereka yang takut kepadaNya daripada kalangan hamba-hambaNya. Al-Qurtubi dan al-Shawkani menukilkan tafsiran ini daripada al-Zamakhshari. Takwilan *al-khashyah* sebagai *al-ta'zim* terhadap orang-orang yang berilmu ini turut dinyatakan oleh para pentafsir yang lain yang menukilkan riwayat ini.

Namun yang demikian, Abu Hayyan (2010) menolak riwayat qiraat ini. Penisbahan qiraat ini kepada mereka berdua (Abu Hanifah & Umar bin 'Abd al-'Aziz) adalah tidak betul dan tidak ditemukan qiraat tersebut dalam mana-mana kitab qiraat *shadhdhah* (Mohd Faizulamri, Sabri & Muhd Najib 2016).

Bacaan ini secara zahirnya menampakkan kedudukan *lafz al-Jalalah* sebagai *fa'il* dan (العلماء) sebagai *maf'ul bih* dengan membawa maksud seakan-akan Allah SWT takut terhadap hambanya daripada kalangan ulama. Namun pentafsiran sebegini merosakkan makna ayat tersebut. Mustahil bagi Allah SWT sebagai pencipta sekalian alam untuk takut terhadap hamba-hamba ciptaanNya.

Makanya, para pentafsir mentakwil kalimah (يَخْشَى) pada bacaan ini dengan maksud *al-ta'zim* iaitu pengagungan. Maksud daripada takwilan ini ialah Allah SWT memuliakan hamba-hambaNya daripada kalangan ulama. Pengkhususan kepada para ulama sahaja adalah kerana ilmu yang dimiliki oleh mereka mampu membezakan perkara *ma'ruf* dan *munkar* di sisi Allah SWT. Mereka memberikan ketaatan yang sepenuhnya kepada Tuhan Yang Maha Berkuasa menjatuhkan azab terhadap orang-orang yang derhaka kepadaNya dan Yang Maha Pengampun terhadap orang-orang yang taat kepadaNya.

Walaupun takwilan tersebut dilihat bertepatan dengan kaedah bahasa, namun ianya bersumberkan daripada riwayat qiraat yang tidak betul sebagaimana yang dijelaskan oleh Abu Hayyan. Malah Ibn al-Jazari yang merupakan seorang pentahkik ilmu qiraat juga menolak riwayat ini. Menurut Ibn al-Jazari (1999), bacaan ini tiada asalnya. Ianya telah dikumpulkan oleh Abu Fadl Muhammad bin Ja'far al-Khuza'i serta dinukilkan oleh Abu Qasim al-Hudhali dan lain-lainnya. Para ulama seperti al-Daraqutni menghukumkan kitab yang mengumpulkan riwayat qiraat Abu Hanifah itu sebagai tiada asalnya (*la asl laha*).

Al-Harbi (2020) dalam kajiannya turut membuktikan pernyataan Ibn al-Jazari bahawa riwayat qiraat yang dinisbahkan kepada Abu Hanifah berstatus *mawdu'* dan *'illah* kepada penolakan riwayat ini adalah bersumberkan daripada al-Khuza'i.

Ibn al-Jazari (1999) menyatakan lagi bahawa qiraat ini telah tersebar dalam kalangan pentafsir dan dinisbahkan kepada Abu Hanifah akan tetapi beliau berlepas diri daripadanya, iaitu tidak ditemukan sebarang asal dalam penisbahan tersebut. Pernyataan Ibn al-Jazari ini menunjukkan bahawa riwayat qiraat ini terus dinukilkan oleh para pentafsir muktabar tanpa dipastikan kesahihan penisbahan tersebut kepada perawinya.

Shukri (2006) menjelaskan bahawa tindakan menisbahkan qiraat ini kepada mereka berdua (Abu Hanifah dan 'Umar 'Abd al-'Aziz) bertujuan untuk menjatuhkan kedudukan mereka dan tidak dapat digambarkan kesalahan ini berlaku dalam kalangan mereka berdua.

PENISBAHAN QIRAAT TERHADAP 'AMR BIN FA'ID, 'AMR BIN 'UBAYD DAN ABU HANIFAH

Firman Allah SWT dalam surah al-Falaq (113: 2)

مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

Maksudnya :

Dari bencana makhluk-makhluk yang Ia ciptakan.

Diriwayatkan bahawa 'Amr bin Fa'id, 'Amr bin 'Ubayd dan Abu Hanifah yang membaca dengan *tanwin* pada (شَرِّ) (Al-Khatib 2000). Riwayat qiraat ini dinukilkan oleh Ibn 'Atiyyah, al-Nasafi, Abu Hayyan, al-Shawkani, al-Alusi, dan al-Halabi.

Riwayat qiraat ini mendapat kritikan dan ditolak oleh para sarjana (Shukri 2006). Ibn 'Atiyyah (2011) menyatakan bahawa qiraat itu ditolak dan terbina atas mazhab yang batil. Al-Shawkani (1998) menyatakan bahawa sebahagian pentaksub telah mengubah ayat ini untuk mempertahankan dan memperkuat kebatilan mereka iaitu membaca dengan *tanwin* pada (شَرِّ) manakala (مَا) sebagai *nafiyah* membawa makna daripada kejahatan yang tidak Dia ciptakannya. Sarjana seperti Makki bin Abi Talib al-Qaysi (1984) turut menyatakan sedemikian bahawa sesiapa yang membaca dengan bacaan ini telah kufur dan mengubah lafaz serta makna al-Quran.

Antara pentaksub yang dimaksudkan oleh al-Shawkani adalah 'Amr bin 'Ubayd dan 'Amr bin Fa'id yang meriwayatkan bacaan ini. Mereka

berpegang dengan fahaman muktazilah dan kedua-dua mereka didapati meriwayatkan beberapa huruf daripada al-Quran (Ibn al-Jazari 2010). 'Amr bin Ubayd juga merupakan salah seorang guru kepada 'Amr bin Fa'id dan beliau terkesan dengan ajaran yang dibawakan oleh 'Amr bin Ubayd termasuk qiraat yang digunakan untuk menguatkan kefahaman akidah muktazilah (Al-Balushi 2020). Penisbahan qiraat ini terhadap Abu Hanifah pula dapat ditemukan dalam kitab *al-Kamil* karangan al-Hudhali dan ianya berstatus *mawdu'* (Al-Harbi 2020).

Namun yang demikian, sebahagian pentafsir seperti al-Nasafi, Abu Hayyan, al-Halabi dan al-Alusi turut mendatangkan pendekatan *tawjih nahw* yang berlainan terhadap bacaan tersebut. Al-Nasafi (1998) menjelaskan bahawa (مَا) beserta *fi'l* ditakwil sebagai *masdar* yang berada di tempat *al-jar*, juga sebagai *badal* daripada (شَرِّ) membawa makna kejahatan yang diciptakannya, atau daripada ciptaan kejahatan, atau (مَا) sebagai tambahan sahaja.

Abu Hayyan (2010), al-Halabi (t.th) dan al-Alusi (1994) setelah menukilkan pentafsiran daripada Ibn 'Atiyyah menjelaskan *tawjih* yang berlainan iaitu (مَا) sebagai *badal* kepada (مِنْ شَرِّ) ke atas *mudaf* yang dibuang dengan takdir (مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ) iaitu 'dari kejahatan, kejahatan apa yang Dia ciptakan', diungkapkan secara umum pada (شَرِّ) yang pertama dan secara khusus pada (شَرِّ) yang kedua.

Pandangan dalam kumpulan ini juga menampakkan para sarjana *nahw* menolak kedudukan (مَا) sebagai *al-nafiyah*. Sebagaimana dijelaskan oleh al-'Akbari (1976) bahawa (مَا) boleh menjadi *badal* kepada (مِنْ شَرِّ) ataupun sebagai tambahan sahaja dan (مَا) tidak boleh menjadi *nafi* kerana perkara yang dinafikan tidak boleh mendahului kata *al-nafiyah* dalam sesebuah ayat. Oleh itu, kedudukan (مَا) sebagai *al-nafiyah* adalah tidak dibenarkan selain daripada merosakkan makna ayat (Al-'Akbari 1976).

PENISBAHAN QIRAAT TERHADAP ABU 'ABD ALLAH JA'FAR AL-SADIQ DAN AHL AL-BAYT

Firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah (9: 73) dan surah a-Tahrim (66: 9)

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ جَاهِدِ الْكُفْرَانَ وَالْمُنَافِقِينَ وَأَغْلظْ عَلَيْهِمْ وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ

Maksudnya :

Wahai Nabi, berjihadlah menentang orang-orang kafir dan orang-orang munafik, dan bertindak keras

terhadap mereka. Dan (sebenarnya) tempat mereka ialah neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali

Diriwayatkan bahawa Ja'far al-Sadiq dan *ahl al-bayt* membaca dengan menukarkan huruf *waw* kepada *ba'* menjadi (جاهد الكفار بالمنافقين) (Al-Khatib 2000). Riwayat bacaan ini dinukilkan oleh al-Qummi, al-Tusi, al-Tabarsi dalam kedua-dua tafsirnya iaitu *Majma' al-Bayan* serta *Jawami' al-Jami'* dan al-Alusi.

Al-Qummi (2014) dalam tafsirannya menyatakan bahawa ayat ini diturunkan sebegini kerana Nabi SAW memerangi golongan kafir sahaja dengan pedang dan tidak memerangi dengannya terhadap golongan munafik. Al-Tusi (t.th) sekadar menukilkan riwayat qiraat ini daripada *ahl al-bayt* tanpa menandatangani tafsiran terhadap bacaan ini.

Al-Tabarsi pula (2003, 2005) pula menandatangani riwayat daripada al-Sadiq a.s. bahawa beliau berkata, "Adakah kamu semua telah mendengar bahawa Rasulullah SAW memerangi golongan munafik? Sesungguhnya baginda bersama dengan mereka". Al-Tabarsi menjelaskan lagi bahawa Rasulullah SAW bersama dengan golongan munafik kerana mereka tidak menzahirkan kekufuran dengan jelas. Makanya tidak dibenarkan untuk membunuh mereka sedangkan Allah SWT mengetahui kekufuran dalam hati mereka.

Pentafsiran ini ditentang sepenuhnya oleh al-Alusi. Al-Alusi (1994) menukilkan riwayat qiraat ini lalu menjelaskan bahawa ianya tidak sabit dan tidak diriwayatkan melainkan oleh golongan syiah *al-imamiyyah* sahaja dan mereka adalah pendusta. Riwayat bacaan ini banyak dinukilkan oleh pentafsir syiah dan tidak dijumpai dalam mana-mana kitab qiraat *shadh* mahupun kitab-kitab tafsir ahli sunnah muhtabar melainkan ianya dinukilkan serta ditentang oleh al-Alusi. Hal ini menunjukkan kedudukan riwayat ini sebagai bacaan yang palsu dan tiada asalnya.

Pentafsiran pada riwayat bacaan ini menampakkan kesesatan golongan syiah *imamiyyah* dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Riwayat qiraat ini merupakan rekaan mereka untuk menyokong kefahaman syiah *al-rafidah* yang menuduh para sahabat Rasulullah SAW sebagai munafik (Al-Qafari 1993). Difahami daripada tafsiran mereka seakan-akan jihad dalam Islam itu sendiri terletak di atas bahu-bahu orang munafik dan Allah SWT memerintahkan rasulNya untuk bergantung kepada golongan ini dalam berjihad. Tidak mungkin bagi orang Islam bersekongkol dengan golongan munafik untuk berperang atas

nama Islam melainkan hanya kerosakan yang dilakukan oleh golongan tersebut (Al-Qafari 1993).

Dari sudut kedudukan perawi yang dinisbahkan kepada bacaan tersebut pula, Ja'far al-Sadiq merupakan seorang yang *thiqah* dan *saduq* (Al-Dhahabi 2006). Namun, syiah *imamiyyah* mengagungkan beliau sehingga menjadi salah seorang daripada dua belas imam-imam syiah dan mereka banyak menisbahkan riwayat hadith mahupun qiraat kepada beliau. Semestinya penisbahan bacaan ini kepada Ja'far al-Sadiq merupakan sebuah pendustaan terhadap dirinya.

PENISBAHAN QIRAAT TERHADAP ABU JA'FAR MUHAMMAD AL-BAQIR DAN AHL AL-BAYT

Firman Allah SWT dalam surah al-Jathiyah (45: 60)

هُدَا كَتَبْنَا بِنَطْقٍ عَلَيْكُمْ بِالْحَقِّ إِنَّا كُنَّا نَسْتَنْسِخُ مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya :

Inilah surat (tulisan malaikat) Kami, ia memberi keterangan terhadap kamu dengan yang benar, kerana sesungguhnya Kami telah (perintahkan malaikat) menulis segala yang kamu telah lakukan (di dunia dahulu)

Diriwayatkan bahawa Abu Ja'far al-Baqir membaca secara *al-bina' li al-maf'ul* pada (يُنطِقُ) (Al-Tabarsi 2003). Riwayat bacaan ini dinukilkan oleh pentafsir syiah seperti al-Qummi, al-Tabarsi dan al-Kashani.

Al-Qummi dan al-Kashani meriwayatkan qiraat ini melalui sebuah riwayat daripada Abu 'Abd Allah Ja'far al-Sadiq bahawa beliau membaca ayat ini pada seseorang. Kemudian dia berkata, "Sesungguhnya surat ini tidak berkata-kata dan tidak akan berkata-kata, akan tetapi Rasulullah SAW yang berkata-kata melalui surat itu, Allah SWT berfirman (menurut dakwaan mereka) : (هذا كتابنا يُنطقُ عليكم بالحق) yang bermaksudnya, "Inilah surat Kami, yang dikatakan kepada kamu dengan yang benar". Al-Sadiq berkata, "Sesungguhnya kami tidak membacanya seperti ini. Lalu dia berkata, "Demi Allah beginilah ianya diturunkan oleh Jibril a.s. ke atas Muhammad SAW, akan tetapi ianya telah diubah daripada kitab Allah SWT".

Qiraat ini tidak ditemukan dalam mana-mana sumber tafsir mahupun qiraat yang muhtabar melainkan daripada sumber mazhab syiah sendiri seperti dalam kitab *al-Kafi* karangan al-Kulayni. Riwayat ini dinukilkan oleh Zahir (1979) sebagai salah satu hadis yang menyebutkan berkenaan *tahrif* yang berlaku dalam al-Quran di sisi fahaman syiah.

Para pentafsir daripada kalangan syiah *imamiyyah* sendiri dilihat tidak mendatangkan pentafsiran secara mendalam terhadap bacaan ini. Namun, pemahaman terhadap nukilan riwayat yang disebutkan menampakkan kesesatan pentafsiran bacaan ini yang sangat bertentangan dengan pemahaman *ahl al-sunnah wa al-jama'ah* (Mohd Faizulamri & Afrizal 2016).

Zahir (1979) dalam *Al-Shi'ah wa al-Sunnah* menjelaskan bahawa sebahagian *mufasssir* syiah mentafsirkan kitab yang disebutkan dalam bacaan ini adalah Muhammad SAW dan ahli keluarganya. Hal ini kerana merekalah yang memberikan keterangan berkenaan catatan-catatan amalan manusia bahkan mereka sendiri adalah catatan-catatan amalan tersebut kerana mereka mengetahui apa yang telah berlaku dan yang akan berlaku. Penisbahan memberi keterangan kepada kitab adalah *majaz* sedangkan pada hakikatnya Muhammad SAW dan ahli keluarganya yang memberikan keterangan dengan catatan-catatan amalan tersebut.

Dari sudut penisbahan qiraat ini kepada Abu Ja'far al-Baqir pula, kajian Mus'ad (2019) menyimpulkan bahawa, tidak ditemukan sebarang riwayat yang menisbahkan qiraat (يُنطِقُ) kepada al-Baqir walaupun qiraat *shadhdhah*. Hal ini jelas menunjukkan bahawa riwayat qiraat ini berstatus *mawdu'* yang telah diada-adakan oleh golongan tersebut.

Semestinya Abu Ja'far al-Baqir adalah tergolong dalam kalangan *ahl al-sunnah wa al-jama'ah* (Mus'ad 2019). Segala dakwaan syiah *al-imamiyyah* berkenaan *imamah* Abu Ja'far al-Baqir adalah pendustaaan terhadap dirinya sebagaimana imam-imam yang lain dan dakwaan mereka tidak didokong oleh mana-mana hujah yang meyakinkan (Mohd Hamidi & Mohd Fauzi 2016).

PENISBAHAN QIRAAT TERHADAP IBRAHIM AL-NAKHA'I DAN YAHYA BIN WATHTHAB

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' (4: 164)

وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا

Maksudnya :

Dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa dengan kata-kata (secara langsung, tidak ada perantaraan)

Diriwayatkan bahawa Ibrahim Al-Nakha'i dan Yahya bin Waththab membaca dengan *nasb* pada *lafz al-Jalalah*. Riwayat ini dinukilkan oleh al-

Zamakhshari, al-Razi, Ibn 'Atiyyah, Abu Hayyan, al-Shawkani, al-Samin al-Halabi, al-Alusi dan al-'Uthaymin dalam karya mereka.

Al-Zamakhshari (1998) menyatakan riwayat qiraat ini lalu menjelaskan bahawa antara tafsiran yang sesat terhadap ayat (وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا) adalah daripada (الْكَلْمِ) yang membawa maksud luka iaitu Allah SWT melukai Musa a.s dengan ujian dan kesusahan. Tafsiran yang dimaksudkan oleh al-Zamakhshari ini ditujukan kepada qiraat *mutawatirah*, bukannya qiraat *nasb* pada *lafz al-Jalalah*. Tafsiran (الْكَلْمِ) ini juga dinukilkan oleh Abu Hayyan dan al-Razi.

Ibn 'Atiyyah (2001), Ibn Kathir (1998) al-Shawkani (1998) dan al-'Uthaymin (2013) menyatakan tafsiran pada bacaan ini membawa maksud Musa a.s berkata-kata kepada Allah SWT. Abu al-Fath menyatakan bacaan ini menjelaskan kisah nabi Musa a.s berkata-kata kepada Allah SWT seperti pada ayat (رَبِّ أَرِنِي أَنْظُرْ إِلَيْكَ) dan juga pada ayat-ayat lain (Ibn Jinni 1998). Para pentafsir yang lain dilihat hanya menukilkan riwayat qiraat ini tanpa menjelaskan makna bacaan tersebut.

Namun yang demikian, Ibn Kathir dan al-Uthaymin secara jelas menzahirkan penolakan mereka terhadap tafsiran bacaan ini. Penjelasan daripada mereka menampakkan bahawa ayat ini telah diubah untuk menyokong kefahaman golongan muktazilah yang batil. Muktazilah menolak sifat *al-Kalam* bagi Allah SWT dan mengolah bacaan tersebut supaya penisbahan perbuatan berkata-kata itu ditujukan kepada nabi Musa a.s.

Ibn Kathir (1998) dalam tafsirnya mendatangkan sebuah riwayat daripada Ibn Mardawayh bahawa seorang lelaki telah datang kepada Abu Bakr bin 'Ayyash, lebih dikenali sebagai Shu'bah dan beliau mendengar lelaki itu membaca (وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا). Lalu Shu'bah berkata, "Hanya seorang yang kafir sahaja membaca sebegini. Aku telah mengambil bacaan daripada A'mash, yang telah mengambil bacaan daripada Yahya bin Waththab, daripada Abu 'Abd al-Rahman al-Sulami, daripada 'Ali bin Abi Talib, daripada Rasulullah SAW (وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا).

Ibn Kathir seterusnya menjelaskan kemarahan Shu'bah ke atas bacaan tersebut adalah kerana ianya mengubah lafaz al-Quran beserta maknanya. Bacaan ini datang daripada muktazilah yang mengingkari bahawa Allah SWT berkata-kata kepada Musa a.s. atau kepada mana-mana makhlukNya. Riwayat kata-kata Shu'bah ini menunjukkan kepada pemalsuan yang berlaku terhadap bacaan ini dan penisbahannya terhadap Yahya bin Waththab adalah tidak benar.

Al-‘Uthaymin (2013) juga menjelaskan bacaan ini sebagai *tahrif* dari sudut makna dan lafaz *kalam* Allah SWT seolah-olah perbuatan berkata-kata itu datang daripada Musa a.s.

Selain daripada pentafsir, para sarjana yang lain seperti Ibn al-Jazari, al-Dhahabi dan Shukri turut menolak qiraat dan pentafsiran bacaan ini. Ibn al-Jazari (1999) menjelaskan bahawa *ahl al-bid’* dan *al-ahwa’* membaca al-Quran dengan kaedah yang tidak dibenarkan oleh orang Islam iaitu memalsukan qiraat untuk menyokong pemahaman mereka seperti golongan muktazilah yang membaca dengan *nasb lafz al-Jalalah* pada ayat (وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا). Hal ini menjadikan *lafz al-Jalalah* sebagai *maf’ul* manakala Musa sebagai *fa’il* yang berkata-kata seterusnya menafikan sifat *al-Kalam* bagi Allah SWT (Al-Dhahabi 2012; Shukri 2006).

QIRAAT YANG DINISBAHKAN KEPADA ZAYD BIN ‘ALI, AL-HASAN, TAWUS DAN ‘AMR BIN FA’ID

Firman Allah SWT dalam surah al-A‘raf (7: 156)

قَالَ عَذَابِي أُصِيبُ بِهِ مَنْ أَشَاءُ

Maksudnya:

Allah berfirman: “Azab-Ku akan Aku timpakan kepada sesiapa yang Aku kehendaki

Diriwayatkan bahawa Zayd bin ‘Ali, al-Hasan, Tawus dan ‘Amr bin Fa’id membaca dengan (أَسَاءَ) menggantikan (أَشَاءَ) (Al-Khatib 2000). Qiraat ini dinukilkan oleh al-Sam‘ani, al-Zamakhshari, Ibn ‘Atiyyah, al-Razi, Abu Hayyan, al-Naysaburi al-Alusi dan al-Halabi dalam karya tafsir mereka.

Al-Sam‘ani (1997) pada permulaannya menjelaskan bahawa tafsiran qiraat *mutawatirah* (أَشَاءَ) adalah bertepatan dengan pendapat ahli sunnah kerana Allah SWT berhak untuk menimpakan azab kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki dalam kalangan hamba-hambanya sama ada dia berdosa ataupun tidak. Al-Razi (1981) juga menjelaskan bahawa Allah berkuasa untuk mendatangkan azab kepada sesiapa yang dikehendaki kerana segala-galanya adalah milik Allah SWT.

Al-Sam‘ani seterusnya menjelaskan bahawa sebahagian golongan *al-qadariyyah* telah mengubah ayat tersebut dengan membaca (قَالَ عَذَابِي أُصِيبُ بِهِ مَنْ أَشَاءَ) daripada kata *al-isa’ah*, dan bacaan ini tiada apa-apa padanya (*laysa bi shay’*). Bacaan yang palsu ini pula dinisbahkan kepada para

perawi yang *thiqah*. Penisbahan tersebut adalah tidak benar terhadap al-Hasan dan Tawus sebagaimana kenyataan Abu ‘Amr al-Dani bahawa penisbahan qiraat ini kepada mereka berdua adalah salah manakala ‘Amr bin Fa’id adalah seorang yang buruk (Ibn ‘Atiyyah 2001; Abu Hayyan 2010; al-Halabi t.th; Ibn ‘Adil 1998). ‘Amr bin Fa’id merupakan seorang yang berfahaman muktazilah dan beliau berhujah dengan qiraat sebegini sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini.

Bacaan (أَسَاءَ) ini membawa maksud bahawa azab Allah SWT hanya akan dijatuhkan kepada mereka yang melakukan kejahatan sahaja. Menurut Ibn ‘Atiyyah (2001) serta dinukilkan juga oleh Abu Hayyan (2010), bacaan ini mempunyai dua aspek di sisi muktazilah iaitu pemahaman *al-wa’id* (ancaman) dan penciptaan amal perbuatan sendiri oleh seseorang, iaitu perbuatan kejahatan seseorang hamba adalah di luar kekuasaan Allah SWT. Hal ini adalah berdasarkan dua prinsip yang dipegang oleh golongan muktazilah iaitu prinsip *al-‘adl* dan prinsip *al-wa’d wa al-wa’id*.

Selain itu, sebahagian pentafsir turut mendatangkan *athar* berkenaan bacaan ini yang terkait dengan kefahaman *ahl al-bid’*. Ibn ‘Atiyyah (2001), Abu Hayyan (2010), al-Halabi (t.th) dan Ibn ‘Adil (1998) mendatangkan sebuah *athar* daripada Abu Hatim bahawa Sufyan bin ‘Uyaynah membaca dengan (أَسَاءَ) dan bersetuju dengan bacaan tersebut. Lalu ‘Abd al-Rahman al-Muqri’ berdiri di hadapannya dan menjerit sehingga Sufyan mendengar jeritan tersebut. Sufyan lalu berkata, “Aku tidak mengetahui dan tidak memahami apa yang dikatakan oleh ahli bidaah. Al-Halabi (t.th) menjelaskan bahawa yang dimaksudkan oleh ‘Abd al-Rahman al-Muqri’ ialah golongan muktazilah berpegang kepada bacaan ini kerana perbuatan hamba adalah ciptaan daripada dirinya sendiri. Maka Sufyan meminta maaf atas perkara tersebut.

Para pentafsir yang lain seperti al-Zamakhshari, al-Naysaburi dan al-Alusi pula sekadar menukilkan riwayat qiraat ini daripada perawinya tanpa mendatangkan tafsiran terhadap bacaan tersebut.

Bacaan ini menunjukkan bahawa perbuatan kemungkaran merupakan kawalan serta pilihan sepenuhnya oleh makhluk dan Allah SWT tidak menentukan perlakuan makhluknya itu (Ibn ‘Atiyyah 2001). Hal ini demikian kerana muktazilah melihat bahawa Allah SWT adil terhadap makhluknya dengan membiarkan mereka mencipta amalan dan perbuatan mereka sendiri serta menolak kewujudan takdir daripadanya.

Oleh sebab itu, keadilan Allah SWT adalah dengan memberi ganjaran kepada mereka yang melakukan ketaatan dan memberi hukuman kepada mereka yang melakukan kemungkaran tanpa terlibat dengan segala amal perbuatan hambaNya itu kerana ianya merupakan pilihan serta penciptaan daripada diri mereka sendiri sepenuhnya ('Abd al-Mun'im 2022).

PERBINCANGAN

Pengamatan terhadap perbincangan-perbincangan yang dikemukakan oleh para pentafsir menunjukkan kepelbagaian reaksi dan kaedah pentafsiran yang dilakukan terhadap riwayat-riwayat qiraat ini. Sebahagian pentafsir hanya menukilkan riwayat qiraat tersebut sahaja tanpa pentafsiran manakala sebahagian yang lain mendatangkan pentafsiran serta kritikan penolakan riwayat tersebut.

Hal ini terjadi seperti pada perbincangan bacaan *nasb lafz al-Jalalah* pada (وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا). Ibn Kathir (1998) dan al-Uthaymin (2013) secara jelas menolak riwayat bacaan ini yang telah diubah agar bersesuaian dengan kefahaman muktazilah. Malah penisbahannya kepada Ibrahim al-Nakha'i dan Yahya Waththab adalah tidak benar. Ramai daripada kalangan pentafsir hanya menukilkan riwayat qiraat ini tanpa menjelaskan pentafsirannya yang batil.

Begitu juga dengan riwayat bacaan (أَسَاءَ) menggantikan (أَشَاءَ) pada (قَالَ عِدَائِي أُصِيبُ بِهِ مِنْ أَشَاءَ) di mana pentafsir seperti al-Zamakhshari (1998), al-Naysaburi (1996) dan al-Alusi (1994) sekadar menukilkan riwayat qiraat ini daripada perawinya tanpa mendatangkan tafsiran. Al-Sam'ani (1997) menjelaskan bacaan ini telah diubah oleh golongan *al-qadariyyah* manakala pentafsir yang lain menjelaskan agenda muktazilah yang terkait pada bacaan ini. Penisbahan riwayat bacaan ini kepada perawi yang berkaitan juga adalah tidak benar sebagaimana kenyataan al-Dani yang dinukilkan oleh para pentafsir.

Selain itu, penelitian terhadap riwayat qiraat *mawdu'ah* ini menampakkan bahawa tidak semua riwayat ini ditolak oleh para pentafsir al-Quran. Sebahagian pentafsir mendatangkan takwilan pada riwayat qiraat sebegini. Namun, takwilan tersebut dikritik dan ditolak oleh sebahagian pentafsir serta sarjana yang lain kerana penisbahan qiraat tersebut kepada perawinya yang tidak betul. Hal ini sebagaimana terjadi pada riwayat bacaan *raf'* pada *lafz al-Jalalah* dan *nasb (العلماء)* pada ayat (إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ). Para pentafsir

mentakwil *al-khashyah* sebagai *al-ta'zim* iaitu Allah SWT memuliakan orang-orang yang berilmu. Namun, Abu Hayyan menyatakan penisbahan qiraat ini kepada perawinya adalah salah dan ianya tidak ditemukan dalam mana-mana kitab qiraat *shadhdhah*. Malah para sarjana seperti Ibn al-Jazari (1998) dan al-Harbi (2020) telah menjelaskan status bacaan yang dinisbahkan kepada Abu Hanifah ini sebagai *mawdu'*.

Sebahagian pentafsir juga mendatangkan *tawjih nahw* yang berlainan terhadap sesebuah riwayat qiraat *mawdu'ah* walaupun riwayat tersebut ditolak oleh sebahagian pentafsir dan sarjana yang lain. Hal ini berlaku dalam perbincangan riwayat bacaan *tanwin* pada (شَرًّا) pada ayat (مَنْ شَرٌّ مَا خَلَقَ). Ibn 'Atiyah (2001) dan al-Shawkani (1998) secara jelasnya menolak bacaan ini yang diubah untuk menyokong kefahaman akidah muktazilah yang menolak sifat *kalam* bagi Allah SWT. Namun, pentafsir seperti al-Nasafi (1998), Abu Hayyan (2010), al-Halabi (t.th) dan al-Alusi (1994) mendatangkan *tawjih nahw* berbeza yang tidak merosakkan makna bacaan tersebut. Walaupun perbincangannya dilihat bertepatan dalam ilmu *nahw*, namun penulis berpendapat bahawa perkara tersebut tidak seharusnya berlaku kerana ianya bersumberkan daripada riwayat bacaan yang palsu.

Bacaan dengan menukarkan huruf *waw* kepada *ba'* pada (جاهد الكفار بالمنافقين) dan bacaan *al-bina' li al-maf'ul* pada (يُنطِقُ) dalam ayat (هَذَا كِتَابُنَا يَنْطِقُ) pula adalah riwayat yang dinukilkan oleh para pentafsir daripada kalangan syiah seperti al-Qummi (2014), al-Tabarsi (2005) dan al-Tusi (t.th). Sebahagian hanya mendatangkan riwayat manakala sebahagiannya mendatangkan pentafsiran yang bertentangan dengan apa yang dikemukakan oleh pentafsir muktabar dalam kalangan ahli sunnah. Riwayat-riwayat bacaan ini tidak ditemukan dalam mana-mana kitab qiraat mahupun kitab tafsir muktabar dalam kalangan ahli sunnah. Hal ini menunjukkan bahawa bacaan ini tidak mempunyai asal dan merupakan rekaan puak mereka sendiri semata-mata.

Kritikan penolakan dapat dilihat oleh al-Alusi (1994) terhadap bacaan (جاهد الكفار بالمنافقين) dengan menyatakan ianya tidak sabit dan tidak diriwayatkan melainkan oleh syiah al-imamiyyah sahaja dan mereka adalah pendusta. Manakala kritikan lain dapat dilihat oleh para sarjana seperti Zahir (1979) dan al-Qafari (1993) yang menjelaskan kedudukan tahrif al-Quran di sisi syiah imamiyyah serta riwayat qiraat *mawdu'ah* tersebut yang direka untuk mendokong kefahaman aliran akidah yang batil.

Secara keseluruhannya, pengamatan terhadap kritikan-kritikan para pentafsir dan sarjana menzahirkan dua tema utama berkenaan sebab serta kesan kewujudan qiraat *mawdu'ah*. Kedua-dua tema ini adalah bertepatan dengan apa yang dikemukakan oleh Shukri (2006) dalam kajiannya berkenaan qiraat *mawdu'ah*. Pertamanya, sebab pemalsuan riwayat qiraat adalah bertujuan untuk mendukung aliran fahaman akidah yang batil. Kedua-dua fahaman yang didapati menggunakan riwayat qiraat *mawdu'ah* ini adalah golongan muktazilah dan syiah *imamiyyah*. Sebahagian pentaksib mazhab yang batil seperti 'Amr bin Fa'id dan 'Amr bin 'Ubayd telah memalsukan ayat al-Quran untuk menguatkan kefahaman aliran muktazilah. Manakala perawi yang lain seperti Abu Hanifah, Ja'far al-Sadiq, Muhammad al-Baqir, Ibrahim al-Nakha'i, Yahya Waththab, al-Hasan dan Tawus telah dinisbahkan kepada riwayat qiraat *mawdu'ah* tertentu. Ja'far al-Sadiq dan Muhammad al-Baqir dinisbahkan kepada riwayat bacaan yang menyokong aliran syiah *imamiyyah* manakala Abu Hanifah, Ibrahim al-Nakha'i, Yahya Waththab, al-Hasan dan Tawus dinisbahkan kepada riwayat qiraat yang menyokong aliran muktazilah.

Hal ini membawa kepada tema yang kedua iaitu kesan pemalsuan riwayat qiraat yang mencemarkan nama baik seseorang perawi qiraat (Shukri 2006). Penisbahan qiraat yang palsu tanpa sandaran sanad serta riwayat yang sahih terhadap para perawi seperti Abu Hanifah, Ja'far al-Sadiq, Muhammad al-Baqir, Ibrahim al-Nakha'i, Yahya Waththab, al-Hasan dan Tawus secara jelas mencemarkan kredibiliti mereka sebagai perawi yang *thiqah*. Golongan pentaksib mazhab yang sesat sanggup mencipta riwayat qiraat yang palsu dan menisbahkannya kepada perawi-perawi ini demi mendapatkan sokongan kepada fahaman mereka yang jelas menyimpang daripada kebenaran. Sememangnya perawi-perawi ini merupakan *kibar ahl al-sunnah wa al-jama'ah* sebagaimana yang telah dijelaskan oleh para sarjana dan mereka berlepas diri daripada segala pendustaan golongan pelampau itu. Penukilan riwayat qiraat ini beserta perawinya oleh para pentafsir berkemungkinan boleh mendatangkan persepsi yang salah kepada pembaca ataupun pengkaji karya-karya tafsir al-Quran terhadap perawi-perawi yang *thiqah* ini sekiranya mereka tidak meneliti kesahihan periwayatan qiraat tersebut.

KESIMPULAN

Perbincangan kritikan riwayat qiraat *mawdu'ah* dalam karya tafsir al-Quran ini menyimpulkan bahawa sebahagian besar pentafsir mengkritik dan menjelaskan kedudukan riwayat qiraat ini yang terkait dengan kefahaman akidah yang batil manakala sebahagian yang lain berhujah dengan riwayat qiraat tersebut dan mereka terdiri dalam kalangan pentafsir beraliran mazhab akidah yang menyeleweng seperti muktazilah dan syiah. Selain itu, dapatan kajian juga menyimpulkan bahawa penisbahan qiraat ini kepada sebahagian perawi yang *thiqah* mencemarkan kredibiliti mereka sebagaimana yang dijelaskan oleh para sarjana.

Meskipun berlakunya kesalahan dalam kalangan pentafsir muktabar yang menukilkan dan menerima riwayat qiraat *mawdu'ah* ini, perkara tersebut tidaklah menafikan kredibiliti dan sumbangan besar mereka dalam dunia pentafsiran al-Quran. Para pentafsir menulis dan menukilkan bacaan tertentu berdasarkan ruang lingkup ilmu dan sumber yang tersedia pada zaman tersebut. Berkemungkinan besar mereka menukilkan bacaan tersebut dengan sangkaan bahawa ianya benar atau tidak mengetahui bahawa ianya ditolak oleh *muhaqqiq* ilmu qiraat. Oleh itu, penukilan riwayat qiraat ini oleh para pentafsir tidak bermaksud untuk menyebarkan kepalsuan, akan tetapi merupakan sebahagian daripada proses kebiasaan pengumpulan dan penyampaian riwayat qiraat melalui karya-karya tafsir al-Quran.

Maka, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh tentang kedudukan riwayat-riwayat qiraat *mawdu'ah* dalam karya-karya tafsir al-Quran. Melalui pendekatan kajian kes secara kolektif terhadap 6 riwayat qiraat ini, kajian ini menganalisis interaksi dan kritikan para pentafsir serta sarjana terhadap riwayat qiraat ini dari sudut penisbahan dan pentafsirannya. Hasil kajian ini dapat menjadi sumber rujukan signifikan kepada ahli akademik dan pengkaji bidang al-Quran dalam menilai kesahihan riwayat qiraat dan memelihara kesucian tafsir al-Quran. Kajian ini juga menekankan kepada semua pihak khususnya ahli akademik dan penuntut ilmu al-Quran agar lebih berhati-hati apabila berinteraksi dengan riwayat-riwayat qiraat yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir al-Quran agar ketepatan maklumat dapat dicapai dan sebarang kekeliruan serta persepsi yang salah terhadap teks tafsir dapat dielakkan.

Tambahan lagi, kajian ini mencadangkan agar kajian-kajian lanjutan berkenaan riwayat qiraat *mawdu'ah* dalam karya-karya tafsir klasik mahupun tafsir kontemporari diperkasa khususnya berkaitan kritikan sanad riwayat qiraat dan metodologi pentafsirannya. Antara yang boleh diusulkan adalah kajian analisis riwayat qiraat palsu dalam tafsir yang bersifat *jam'i* seperti tafsir *al-Dur al-Manthur* karya al-Suyuti dan *Mawsu'at al-Tafsir al-Ma'thur* terbitan *Dar Ibn Hazm*. Selain itu, tafsir-tafsir daripada pelbagai aliran pemikiran yang lain perlu diberi penelitian untuk melihat pengaruh riwayat qiraat ini dalam tafsir mereka. Kajian-kajian sebegini memainkan peranan signifikan dalam usaha meneruskan usaha pemeliharaan kesucian periwayatan qiraat dan al-Quran sehingga ke akhirnya.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan daripada mana-mana dana penyelidikan, institusi atau badan penaja awam mahupun swasta.

SUMBANGAN PENGARANG

Konseptualisasi, Muhammad Zaid Harithah Azeman dan Mohd Faizulamri Mohd Saad; metodologi, Muhammad Zaid Harithah Azeman dan Mohd Faizulamri Mohd Saad; analisis data, Muhammad Zaid Harithah Azeman; pengumpulan data, Muhammad Zaid Harithah Azeman; penulisan draf asal, Muhammad Zaid Harithah Azeman; semakan dan penyuntingan, Muhammad Zaid Harithah Azeman, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad, Mohd Nazir Kadir dan Zayd Thabit Abdulrahman; penyeliaan, Mohd Faizulamri Mohd Saad. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan isi kandungan manuskrip.

PERNYATAAN PENJANAAN TEKS OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Artikel ini telah menggunakan kecerdasan buatan (AI) *ChatGPT* oleh *Open AI* sebagai alat sokongan untuk semakan bahasa dan penstrukturan ayat sahaja. Semua fakta dan kandungan ilmiah dalam artikel ini tidak dijana oleh AI dan telah disemak semula sepenuhnya oleh penulis bagi memastikan ketepatan maklumat.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperoleh daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

RUJUKAN

- Al-Quran.
 'Abd al-Halim, M. A. 'A. al-F. 2016. *Al-Qira'at 'ind al-Tabarsi fi Tafsir Mujamma' al-Bayan li 'Ulum Dirasah Naqdiyyah Muqaranah*. Tesis Sarjana. Amman: Al-Jami'ah al-Urduniyyah.
 Abu Hayyan, M. b. Y. 2010. *Al-Bahr al-Muhit fi al-Tafsir*, disunting oleh Jamil, S. M. Bayrut: Dar al-Fikr.
 Abu Shamah, S. al-D. 'A. al-R. b. 'I. 2003. *Al-Murshid al-Wajiz ila 'Ulum Tata'allaq bi al-Kitab al-'Aziz*, disunting oleh Ibrahim Shams al-Din. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
 Ahmad Zulfikar Shah Abdul Hadi, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Sabri Mohamad & Mohd Abdul Nasir Abdul Latif. 2015. Analisis isu-isu dalam al-Qira'at al-Shadhah. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 37(1): 16–28.
 Al-'Akbari, 'A. A. b. al-H. 1996. *I'rab al-Qira'at al-Shawadh*, disunting oleh 'Azzuz, M. al-S. Bayrut: 'Alim al-Kutub.
 Al-Alusi, M. b. 'A. A. 1994. *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani*, disunting oleh 'Atiyyah, 'A. 'A. al-B. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
 Al-Balushi, 'A. A. b. S. 1442H/2021. 'Amr bin Fa'id al-Aswari wa al-riwayat al-waridah 'anh fi huruf al-Qur'an 'arda wa dirasah. *Majallah Ma'had al-Imam al-Shatibiy li al-Dirasat al-Qur'aniyyah* 16(32): 111–166.
 Al-Dhahabi, M. H. 2012. *Al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Kaherah: Dar al-Hadith.
 Al-Dhahabi, M. b. A. 2006. *Siyar A'lam al-Nubala'*. Kaherah: Dar al-Hadith.
 Al-Dumi, M. M. 2004. *Al-Qira'at al-Mutawatirah fi Tafsir al-Zamakhshari Dirasah Naqdiyyah*. Tesis Sarjana. Irbid: Jami'ah al-Yarmuk.
 Al-Dusari, I. b. S. 2008. *Mukhtasar al-Ibarat li Mu'jam Mustalahat al-Qira'at*. Riyad: Dar al-Hadarah li al-Nashr wa al-Tawzi'.

- Al-Halabi, A. b. Y. t.th. *Al-Dur al-Masun fi 'Ulum al-Kitab al-Mubin*, disunting oleh Al-Kharrat, A. M. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Halabi, O. A. 2024. Comparative analysis of Quranic recitation: Investigating the “good pause” conditions among leading scholars. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 46(1): 143–152.
- Al-Harbi, 'I. b. D. A. 2020. Qira'at al-Imam Abi Hanifah: Dirasah tauthiqiyah istiqlaliyyah. *Quranica: Majallah 'Alamiyyah li Buhuth al-Qur'an* 12(2): 161–189.
- Al-Hudhali, A. al-Q. Y. b. 'A. 2007. *Al-Kamil fi al-Qira'at wa al-Arba'in al-Za'idah 'anha*, disunting oleh Al-Shayib, J. b. al-S. Sharjah: Mu'assasah Sama li al-Tawzi' wa al-Nashr.
- Ibn 'Atiyyah, 'A. al-H. b. G. 2001. *Al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz*, disunting oleh Muhammad, 'A. al-S. 'A. al-Shafi. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazari, M. b. M. 2010. *Ghayat al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'*. Kaherah: Maktabat al-Khariji.
- Ibn al-Jazari, M. b. M. 1999. *Munjid al-Muqri'in wa Murshid al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazari, M. b. M. 2019. *Al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*, disunting oleh Suwayd, A. R. Dimashq: Dar al-Ghawthani li al-Dirasat al-Qur'aniyyah.
- Ibn Jinni, A. al-F. 'U. 1998. *Al-Muhtasab fi Tabyin Wujuh Shawadh al-Qira'at wa al-Idah 'anha*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzur, M. b. M. 1414H/1993. *Lisan al-'Arab*. Cet. ke-3. Bayrut: Dar Sadir.
- Izuli Dzulkifli & Adibah Bahori. 2016. Peranan qira'at dalam pentafsiran al-Quran. *Jurnal Hadhari* 8(1): 103–111.
- Izuli Dzulkifli. 2013. *Penggunaan Wujud Qiraat dalam Tafsir Shi'ah: Kajian terhadap Tafsir Jawami' al-Jami'*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ja'fari, 'A. D. 2014. Aqşam al-qira'at wa ahkamuha al-ta'abbudiyyah dirasah tahririyyah li arkan al-qira'at wa hukm al-ta'abbud bi al-mutawatir wa al-shadh. *Majallat Kulliyah al-Dirasat al-Islamiyyah wa al-'Arabiyyah li al-Banin* 31(1): 1677–1754.
- Al-Kashani, M. b. M. 1413H/1993. *Kitab al-Safi fi Tafsir al-Qur'an*, disunting oleh Al-Amini, M. al-H. Tehran: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Khalidi, S. 'A. al-F. 2012. *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufassirin*. Edisi ke-5. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Al-Kathiri, 'A. A. M. 2020. Siagh al-jam' fi al-qira'at al-mutawatirah wa atharuha fi al-ma'na min awwal al-Qur'an ila akhir Surah al-Anfal. *Quranica: International Journal of Quranic Research* 12(2): 506–530.
- Al-Khatib, 'A. al-L. 2000. *Mu'jam al-Qira'at*. Dimashq: Dar Sa'd al-Din.
- Al-Khatib, A. b. 'A. 2002. *Tarikh Baghdad*, disunting oleh Bishar, 'A. M. Bayrut: Dar al-Gharab al-Islamiyyah.
- Al-Kulayni, M. b. Y. 1962. *Al-Usul min al-Kafi*, disunting oleh Al-Ghifari, 'A. A. Tehran: Maktabat al-Saduq.
- Kurdiyyah, S. M. F. 2001. *Manhaj al-Imam al-Nasafi fi al-Qira'at wa Atharuha fi Tafsirihi*. Tesis Sarjana. Gaza: Universiti Islam Gaza.
- Lukman Hakim. 2024. Identifikasi dan analisis al-dakhil dalam qira'at. *Al Tadabbur: Jurnal Ilmu Quran dan Tafsir* 9(1): 153–164.
- Al-Ma'sarawi, A. 'I. 2008. *Al-Qira'at al-Waridah fi al-Sunnah*. Ed. ke-2. Kaherah: Dar al-Salam.
- Mohd Faizulamri Mohd Saad. 2015. *Periwayatan Qira'at dalam Tafsir al-Nasafi*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faizulamri Mohd Saad & Afrizal Nur. 2016. Orientalist criticism to qira'at mutawatirah and defense (A fact and reality). *Jurnal Ushuluddin* 24(2): 123–134.
- Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad & Muhd Najib Abdul Kadir. 2016. Penisbahan qurra' dan status qira'at dalam tafsir al-Nasafi. *Jurnal al-Turath* 1(1): 35–43.
- Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad & Mohd Nazri Ahmad. 2020. *Penghujahan Qiraat Mudrajah dalam Tafsir dan Fiqh*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad, Nurul Asma Mazlan, Nur Zainatul Nadra Zainol & Afrizal Nur. 2022. Criticism towards Quranic text with mutawatir status. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12(7): 880–888.
- Mohd Nazir Kadir, Mif Rohim Noyo Sarkun, Nur Zainatul Nadra Zainol & Mohd Amin Mohd Yunus. 2020. A systematic analysis on wujud qira'at in ablution's verses and its implication to the Islamic law for recognition system. *Journal of Quranic Sciences and Research* 1(1): 11–19.
- Muhammad Feroz-ud-Din Shah Khagga. 2015. The status of qira'at shazzah: Beyond textual corruption. *Jihat al-Islam* 9(1): 7–16.
- Al-Muslim Mustapa. 2023. Framework of integration between Arabic language and qira'at. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 45(Isu Khas): 75–81.
- Mohd Hamidi Ismail & Mohd Fauzi Hamat. 2016. Pengisbatan al-imamah melalui al-bada' menurut Syiah al-Ithna 'Ashariyyah. *AFKAR* 18(1): 1–42.
- Al-Nasafi, 'A. A. b. A. 1998. *Madarik al-Tanzil wa Haqaiq al-Ta'wil*, disunting oleh Badiwi, Y. 'A. Bayrut: Dar al-Kalam al-Tayyib.
- Al-Naysaburi, N. al-D. al-H. 1996. *Ghara'ib al-Qur'an wa Ghara'ib al-Furqan*, disunting oleh Umayrat, Z. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Nur Zainatul Nadra Zainol, Muhd Najib Abd Kadir & Latifah Abd. Majid. 2014. Konsep tafsir al-Quran menurut Nasr Hamid Abu Zayd. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 36(2): 39–46.

- Al-Qafari, N. b. 'A. A. 1993. *Usul Madhhab al-Shi'ah al-Imamiyyah al-Ithnay 'Ashariyyah 'Ard wa Naqd*. Tesis Doktor Falsafah. Riyadh: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiy.
- Al-Qattan, M. K. 2015. *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. Kaherah: Maktabah Wahdah.
- Al-Qummi, 'A. b. I. 2014. *Tafsir al-Qummi*, disunting oleh Mu'assasat al-Imam al-Mahdi. Qum: Mu'assasat al-Imam al-Mahdi.
- Al-Qurtubi, A. 'A. M. b. A. 1964. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Razi, M. b. 'U. 1981. *Mafatih al-Ghayb*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Salih, S. I. 2009. *'Ulum al-Hadith wa Mustalahuhu*. Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Al-Sam'ani, A. al-M. M. b. M. 1997. *Tafsir al-Qur'an*, disunting oleh Abu Tamim, Y. b. I. & Abu Bilal, G. b. 'A. Riyadh: Dar al-Watn.
- Al-Shawkani, M. b. 'A. 1998. *Fath al-Qadir*. Dimashq: Dar al-Kalam al-Tayyib.
- Shukri, A. K. 2008. *Silsilah Buhuth Qimah (1) fi al-Qira'at al-Qur'aniyyah*. 'Amman: Dar al-'Ulum.
- Stake, R. E. 1995. *The Art of Case Study Research*. London: Sage Publications Ltd.
- Al-Suyuti, 'A. al-R. b. A. B. 1974. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*, disunting oleh Ibrahim, M. A. F. Riyadh: Wizarat al-Awqaf al-Su'udiyah.
- Al-Tabarsi, A. al-F. b. al-H. 1423H/2002. *Tafsir Jawami' al-Jami'*. Qum: Mu'assasat al-Nashr al-Islamiy.
- Al-Tabarsi, A. al-F. b. al-H. 2005. *Majma' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-'Ulum.
- Al-Tusi, M. b. al-H. t.th. *Al-Tibyan fi Tafsir al-Qur'an*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-'Uthaymin, M. b. S. 1435H/2013. *Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Edisi ke-2. Dammam: Dar Ibn al-Jawzi.
- Umar, A. M. 2008. *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. Kaherah: 'Alim al-Kutub.
- Zahir, I. I. 1979. *Al-Shi'ah wa al-Sunnah*. Lahur: Idarah Turjuman al-Sunnah.
- Zayd Thabit Abdulrahman, Mohd Faizulamri Mohd Saad & Sabri Mohamad. 2023. The impact of Quranic recitations on moral and social objectives. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 45(Isu Khas): 123–129.
- Al-Zamakhshari. 1998. *Al-Kashshaf 'an Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*, disunting oleh Abd al-Mawjud, 'A. A. & Mu'awwad, 'A. M. Riyadh: Maktabat al-'Ubaykan.